

Bulan Satria suntik semangat warga UPM berkongsi aspirasi

SEBAGAI sebuah universiti penyelidikan, kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran mestilah seiring dengan inovasi penyelidikan universiti.

Sehubungan itu, Pusat Pembangunan Akademik (CPD) diberi kepercayaan sepenuhnya dalam memikul tanggung jawab amat besar meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang menjadi aktiviti teras universiti selaras dengan Matlamat Pertama Pelan Strategi UPM iaitu Melahirkan Graduan Berkualiti, Berdaya Saing dan Berusaha Untuk Terus Maju.

Manakala matlamat keduanya pula ialah Memperkasakan Pelajar UPM dengan Penguasaan Kemahiran Insaniah.

Antara usaha penambahbaikannya ialah dengan melaksanakan program latihan kepada

da pegawai akademik dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan kepimpinan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dengan jenama Program Putra Satria.

Program yang membabitkan latihan kepada kakitangan akademik bertujuan melahirkan tenaga pengajar yang berkeupayaan dan berwibawa dalam menghasilkan graduan UPM yang berkualiti dan berdaya saing.

Antara latihan dan kursus sepanjang tahun lalu sehingga September 2008 ialah Hasil Pembelajaran, Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Pengajaran; Persediaan Pengajaran Siswazah untuk Tutor; Penyeliahan Siswazah dan e-Pembelajaran.

Sebanyak 28 sesi latihan dijalankan pada 2007 membabitkan 111 fasilitator dan

2,084 peserta. Sehingga Julai 2008 pula seramai 1,473 peserta mengikuti 35 program latihan anjuran CPD yang membabitkan 42 tenaga pakar dalam bidang masing-masing sebagai fasilitator.

Sementara itu, Bulan Pensyarah yang menjadi acara tahunan UPM dan diberi nama baru Bulan Putra Satria mulai 2008 ini bersempena imej dan penjenamaan Program Pembangunan Profesional Berterusan atau CPD tenaga akademik UPM iaitu Putra S.A.T.R.I.A.

Ia adalah bulan untuk menyuntik semangat pegawai akademik UPM agar berkongsi aspirasi universiti khususnya dalam memartabatkan kualiti akademik dan kecemerlangan mereka selari dengan status UPM sebagai Universiti Penyelidikan.



INFO

Antara pengisian Bulan Satria 2008 ialah:

- Malam Gemilang Putra Satria.
- Pameran Inovasi Pengajaran Cemerlang.
- Seminar Imej dan Penampilan Profesional
- Forum Pembangunan Kerjaya Pensyarah.
- 3 Siri Wacana Intelek.
- 4 Siri Seminar Teknikal.
- 5 Siri Kursus Sistem Pengurusan Pembelajaran iaitu Putra Learning Management System.
- Kursus lain seperti Learning Outcomes 4 dan Academic Writing.